

Selepas kerajaan belanja RM40 juta mengatasi masalah banjir di Cameron Highlands

Tambahan RM40 juta diperlukan

KUALA LUMPUR – Peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta diperlukan untuk menaik taraf Sungai Bertam, Cameron Highlands bagi mengelakkan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh berulang lagi pada masa akan datang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G. Palanivel berkata, peruntukan itu diperlukan untuk mendalamkan Sungai Bertam, membaiki infrastruktur dan membersihkan kawasan penempatan berdekatan serta menanam pokok.

“Kerajaan sebelum ini telah meluluskan peruntukan RM40 juta untuk mengatasi masalah banjir di Lembah Bertam. Sekarang banjir berlaku sehingga ke kawasan Ringlet, maka kita akan memohon peruntukan RM40 juta lagi bagi menaik taraf kawasan terbabit.

“Keadaan banjir kali ini berbeza berbanding banjir di Lembah Bertam dahulu yang berpunca akibat penerokaan tanah. Kali ini berlaku banjir besar di Ringlet dengan aliran air deras dan semua orang terjejas termasuk kanak-kanak.

“Jadi, saya telah menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk meminta peruntukan tersebut dan berharap diluluskan termasuk bantuan tunai RM1,000 atau RM500 seorang kepada mangsa banjir yang terlibat,” katanya yang juga Ahli Parlimen Cameron Highlands ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen di sini semalam.

Hujan lebat selama empat jam mengakibatkan paras air Sungai Ringlet



SEORANG penduduk, L. Maniam menunjukkan sebahagian tembok konkrit yang roboh akibat banjir kilat yang melanda Kampung Baru Ringlet, Cameron Highlands.



LANTAI sebuah rumah berlubang akibat banjir kilat dan tanah runtuh di Lembah Bertam, Cameron Highlands



KERATAN *Kosmo!* semalam.

meningkat setinggi lebih dua meter dan membawa sampah sarap dari bahagian Hulu Ringlet menyebabkan benteng penahan air di Kampung Baru pecah dan membanjiri rumah penduduk.

Tinjauan *Kosmo!* pada-pukul 7 malam semalam mendapati air sungai turun ke paras normal namun arusnya masih deras.

Dalam kejadian banjir yang berlaku pada pukul 6.30 petang kelmarin, seorang warga Nepal berusia 66 tahun,

warga Indonesia berumur 48 tahun dan seorang remaja tempatan mati manakala lima yang lain cedera akibat banjir lumpur yang turut berlaku di Ringlet.

Sepasang suami isteri warga Indonesia pula dilaporkan hilang dan dikhua-tiri tertimbus di sebuah kebun sayur di Sungai Kabok, Lembah Bertam.

Kejadian itu melibatkan 203 mangsa daripada 47 keluarga di Kampung Baru dan Lembah Bertam dengan 20 buah rumah terjejas serta 20 kenderaan rosak.

Mengulas lanjut, Palanivel memba-yangkan mereka yang tinggal berdekatan sungai tersebut akan diberi penempatan baharu termasuk projek perumahan rakyat dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) pada masa akan datang.



DUA penduduk mengangkat mesin basuh di rumah mereka untuk dipindahkan ke lokasi selamat akibat banjir dan tanah runtuh di Lembah Bertam semalam.

Banjir mungkin berlaku lagi

Oleh LUQMAN HAKIM AB. RAHIM
luqmanhakim.rahim@kosmo.com.my

KUANTAN – Faktor cuaca dan kegagalan menguruskan alam sekitar dengan baik menyebabkan bencana banjir lumpur di Ringlet, Cameron Highlands tidak dapat dielakkan dan akan berulang lagi jika tidak ditangani dengan berkesan.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob (**gambar**) berkata, kerakusan penerokaan hutan untuk pertanian dan penempatan penduduk turut menyebabkan kejadian itu berlaku.



“Kejadian seperti ini memang tidak dapat dielakkan, untuk jangka masa panjang kerana sudah tiada hutan, tak kira halal haram, semua sudah dite-roka. Seharusnya semua pihak mengam-bil iktibar daripada kejadian ini dan meng-hormati alam sekitar.

“Saya pernah meninjau menggunakan helikopter dan mendapati pembangunan tidak teratur (di Cameron Highlands),” katanya kepada pemberita selepas hadir pada Majlis Sambutan Maal Hijrah 1436 di Dewan Jubli Perak di sini semalam.

Menurut Adnan, kerajaan negeri dan pihak berkaitan tidak akan lepas tangan dalam isu ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya terutama dalam mengu-rangkan beban mangsa yang terlibat.

Sementara itu, Pengurus Besar Stesen-Stesen Janaelektrik TNB Cameron Highlands, Ir. Mohd. Zaki Jalaluddin berkata, siren TNB di Lembah Bertam dibunyikan untuk proses pemindahan penduduk selepas paras air berada pada tahap 1,069.1 meter pada pukul 8.15 malam kelmarin.

Menurutnya, pada pukul 8.40 malam siren kedua dibunyikan di Empangan Sultan Abu Bakar sebagai tanda amaran bagi membolehkan penduduk berpindah.